

PENGALAMAN SISWI BERKAHWIN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Ashura Izwani Ahmad Tadjudin, Siti Rokiah Siwok*, Fadilah Zaini dan Mohd Nasir Masroom

Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author srokiahsiwok@utm.my

Abstrak

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengenal pasti pengalaman siswi berkahwin di Universiti Teknologi Malaysia. Enam orang siswi telah terlibat sebagai responden melalui teknik *purposive sampling* dan *snowball sampling*. Pengkaji menggunakan tiga jenis instrumen, iaitu pengkaji sebagai instrumen utama, soalan temu bual, dan borang demografi. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah perbandingan berterusan (*Constant Comparative Method*) yang melibatkan dua proses, iaitu pengekodan terbuka dan pengekodan berpaksi. Pengkodan terbuka menghasilkan lapan kategori dan 16 subkategori, manakala pengkodan berpaksi menonjolkan tiga isu utama dalam kehidupan siswi berkahwin, iaitu penyesuaian diri, isu komunikasi dan pengurusan masa. Kajian mendapati dengan menggunakan pelbagai strategi seperti pembahagian masa, pembahagian tugas, beribadah dan melakukan tugas akademik dalam kampus mampu membantu siswi menggalas pelbagai peranan serentak. Limitasi dan cadangan kajian juga dibincangkan dalam artikel ini.

Kata kunci: Pengalaman; siswi berkahwin; masa; penyesuaian diri; komunikasi

This qualitative study aimed to identify the experience of married female students at Universiti Teknologi Malaysia. Six students participated as respondents through purposive sampling and snowball sampling techniques. The researcher uses three types of instruments, which is the researcher as the main instrument, the interview's question, and the demographic form. Data were analyzed using the Constant Comparative Method that involved two processes, namely open coding and axial coding. Open coding yields eight categories and 16 subcategories, while axial coding highlights three main issues in married student life, namely, adaptation, communication issue and time management. The research findings show that, by using a variety of strategies, such as time management, tasks division, worshipping and finishing homework in campus had helped the female students carry multiple roles simultaneously. Limitations of the study and recommendations are also discussed in this article.

Keywords: Experience; married female student; time management; adaptation; communication

1.0 PENGENALAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (2018, Disember 28) melaporkan kadar perkahwinan kasar rakyat Malaysia menurun daripada tahun 2016 kepada 2017 dengan peratusan 6.3% kepada 5.9%. Kadar perkahwinan yang tertinggi dipelopori oleh rakyat Malaysia adalah sekitar umur 25 tahun hingga 29 tahun. Kaum wanita mencatat tempat kedua tertinggi berkahwin pada umur 20 hingga 24 tahun dan umur tersebut adalah dalam fasa awal dewasa (Benson, 2015).

Fenomena berkahwin di usia muda bukan perkara yang janggal kerana pada usia awal dewasa, berlaku krisis psikososial *intimacy versus isolation* yang berkait dengan keperluan dalam hubungan persahabatan dan kasih sayang (Erikson, 1963; Jeffrey & Spencer, 2016). Justeru, terdapat golongan awal dewasa mengisi kesunyian dan memupuk kasih sayang dengan menggunakan perkahwinan sebagai medium utama. Pada masa yang sama, perkembangan pesat negara Malaysia memberi peluang kepada kaum wanita dalam memainkan peranan dalam berbagai-bagai bidang dan mendorong mereka melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Justeru, terdapat kaum wanita yang menceburi bidang pendidikan tinggi dan berkahwin, seterusnya menghasilkan wanita yang memegang status pelajar dan isteri dalam masa serentak.

Perkahwinan ketika belajar digambarkan sebagai tindakan yang positif kepada seseorang individu yang bergelar siswi. Ini adalah kerana alam perkahwinan mewujudkan elemen-elemen pelindung untuk kehidupan kepada suami dan isteri [protective elements](Gellatly & Störmer, 2017). Sebagai contoh, Mardiana (2013) menyatakan antara kelebihan pelajar berkahwin adalah pemikiran yang lebih fokus, memupuk sifat sistematik, dan kehadiran pasangan yang boleh saling bantu dalam pelbagai perkara. Pernyataan tersebut memberi gambaran bahawa siswi akan jadi lebih sistematik dalam hidup kerana seseorang yang menggalas pelbagai komitmen secara serentak akan lebih segera beradaptasi dengan hidup yang bersistematik. Akhir sekali, siswi yang berkahwin mudah mendapatkan sokongan moral dan fizikal daripada pasangan jika mengalami isu dalam pembelajaran atau kehidupan harian.

Malah, Apostolou et al (2019) mendapati orang yang mempunyai pasangan kurang mempunyai emosi negatif dan mempunyai tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi dibandingkan dengan orang bujang. Bagi yang beragama Islam pula, sekiranya mereka tergolong dalam golongan yang tidak boleh mengawal nafsu, perkahwinan membolehkan mereka melaksanakan sesuatu yang telah menjadi wajib dan ini merupakan satu ibadah (Ramayulis, 2001 dalam Kamarul Azmi, 2008).

Sekiranya seseorang siswa atau siswi itu masih boleh mengawal nafsunya, perkahwinan memberikan peluang mendapat pelbagai pahala sunat, sebagai contoh gurau-senda antara suami dan isteri (al-Bukhari, 1994: 1955; Muslim, 2001: 2663; al-Tarmidhi, 1994: 1019; Abu Dawud, 1994: 1752; Ahmad, 1994: 13786; al-Darimi, t.thn.: 2119 dalam Kamarul Azmi, 2008).

Walau bagaimana pun, Buckner (2009) berpendapat bahawa jika pasangan yang berkahwin sambil belajar ingin mengekalkan tanggungjawab suami-isteri secara tradisional, perkahwinan tersebut berpotensi untuk gagal. Hamizatun & Norzaini (2013) juga menekankan bahawa kegagalan dalam pengurusan masa boleh menyebabkan stress dan penurunan dalam prestasi akademik pelajar. Siswi memerlukan kesediaan mental, kemahiran dalam pembahagian masa, pengurusan tugas, dan pengurusan kewangan bagi mendapatkan kepuasan berumah tangga. Justeru, terdapat pelbagai perkara yang boleh membawa kesan siswikepada siswi yang berkahwin. Berdasarkan variasipandangan dari pelbagai perspektif dan budaya, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti pengalaman siswi berkahwin di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:-

- i. Mengenal pasti pengalaman siswi berkahwin di Universiti Teknologi Malaysia.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan teori-teori kajian dan kajian-kajian lepas. Pengkaji menggunakan tiga teori atau pendekatan, ia itu Pendekatan Islam, Teori Sistem Ekologi dan *Triangular Theory of Love*.

Pendekatan Islam

Islam melihat naluri untuk berkahwin sebagai suatu yang fitrah atau semula jadi dan tidak bercanggah dengan hukum Allah s.w.t (Haziyah, 2014). Malah perkahwinan adalah suatu ibadah dan membawa banyak kebaikan kepada pasangan serta keluarga yang terlibat. Disebutkan dalam sebuah hadis hasan yang diriwayatkan daripada Al Baihaqi, bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud “Apabila seseorang hamba menikah, maka sungguh dia telah menyempurnakan separuh agamanya.

Maka hendaklah dia bertaqwa kepada Allah pada separuhnya lagi”. Namun setiap kedudukan itu membawa bersamanya tanggungjawab yang harus dilaksanakan. Sebagai siswi yang berkahwin, tanggungjawab tambahan yang harus dilaksanakan ialah sebagai isteri, ibu dan juga menantu.

Teori Sistem Ekologi

Teori Sistem Ekologi diasaskan oleh Urie Bronfenbrenner (1977). Teori ini menyatakan manusia tidak mampu berkembang jika hidup bersendirian, justeru dengan mengamalkan sistem berkeluarga dan bermasyarakat, manusia mampu berkembang (Vijaya, 2010). Teori ini merujuk kepada sistem-sistem dalam persekitaran kehidupan manusia yang mempunyai pengaruh yang besar. Terdapat empat sistem utama; mikrosistem, mesosistem, eksosistem dan makrosistem (David & Katherine, 2010). Secara ringkasnya, suami, anak, pensyarah, rakan-rakan serta ibu bapa atau ibu bapa mertua merupakan orang yang berada dalam mikrosistem siswi yang berkahwin dalam kajian ini. Interaksi antara ahli dalam mikrosistem seperti hubungan suami dengan keluarganya termasuk dalam mesosistem. Cara dan sistem kerja di UTM pula adalah eksosistem siswi dan budaya serta agama pula berperanan sebagai makrosistem.

Triangular Theory of Love

Triangular Theory of Love dibangunkan oleh Sternberg (1986) dan menggambarkan bahawa percintaan antara pasangan mempunyai tiga dimensi utama, iaitu, keintiman, komitmen dan semangat. Dimensi-dimensi ini sangat relevan dengan kajian ini kerana siswi yang berkahwin perlu menguasai ketiga-tiga dimensi ini untuk mampu bertahan walaupun terdapat pelbagai isu yang berlakusepanjang proses membina keintimansama pasangan. Termasuk dalam “pakej” perkahwinan ini ialah sikap sentiasakomited dalam melaksanakan tanggungjawab serentak sebagai isteri, ibu, pelajar serta menantu.

Kajian-kajian Lepas

Konflik peranan sebagai pelajar, isteri dan ibu adalah suatu yang patut dijangka apabila seseorang siswi itu berkahwin. Akpotor & Julie (2018) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen sebagai isteri dan prestasi akademik. Disamping itu tempoh fasa penyesuaian diri dalam melaksanakan kedua-dua komitmen tersebut memberi impak kepada siswi, sama ada positif atau negatif. Namun, kajian Ghoroghi, Aishah & Maznah (2015) mendapati tiada hubungan signifikan antara tempoh perkahwinan dan penyesuaian dalam perkahwinan. Hal ini adalah suatu yang logikal kerana pelbagai faktor terbabit dalam sesuatu perkahwinan itu.

Seperti dapatan kajian Elham, Rumaya & Siti (2015) yang menunjukkan bahawa penyesuaian diri bukan hanya dipengaruhi oleh tempoh perkahwinan sahaja, tetapi juga keadaan individu dan persekitaran. Malah, bagi pelajar antara bangsa pula terdapat 11 faktor yang memberi impak terhadap perkahwinan. Walau bagaimanapun, wanita menunjukkan skor penyesuaian yang lebih tinggi berbanding lelaki (Ahmed & Siti Aishah, 2011)

Suatu perkara yang penting dalam persekitaran ialah sokongan. Siti Salina (2011) mendapati bahawa kawan-kawan dan pasangan menjadi sumber utama pelajar Malaysia yang telah berkahwin di Australia meminta pertolongan. Lucy (2016) pula mendapati sokongan ahli keluarga telah mampu meringankan beban pelajar yang berkahwin di Kenya. Responden dalam kajian Zahra, et. al. (2017) pula mendapat sokongan daripada suami dan keluarga.

Dapatan kajian Umar Sa'ad (2014) menunjukkan tanggungjawab tambahan sebagai isteri, pengurus rumah tangga dan ibu tidak menghalang siswi-siswi di Azare untuk mendapat keputusan akademik yang baik dengan PNGK 3.0 ke atas. Malah, kajian Amuda, Bulus & Joseph (2016) menunjukkan bahawa perkahwinan dan umur bukan peramal yang signifikan dalam pencapaian akademik pelajar. Abdullahi & Haruna (2018) juga membuktikan bahawa perkahwinan tiada pengaruh yang signifikan terhadap prestasi akademik siswi di bandar Sokoto.

Stres pula adalah perkara lazim yang dihadapi oleh siswa dan siswi. Logikinya, siswi berkahwin menghadapi tahap stres yang lebih tinggi berbanding siswi yang belum berkahwin. Dalam kajian Ahmed & Siti Aishah (2011), siswi yang berkahwin menghadapi tekanan daripada segi menjalankan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu di samping terus memenuhi keperluan akademik. Golongan wanita juga cenderung dalam mementingkan nilai perkahwinan dan keharmonian keluarga, sama ada keluarga sendiri atau keluarga mertua, jadi siswi juga berpotensi mengalami lebih stres dalam menyesuaikan diri. Abolanle & Feyisola (2014) juga mendapati siswi yang berkahwin mengalami stres dalam menjalankan pelbagai tanggungjawab akademik dan keluarga secara serentak. Selain isu dalam penyesuaian diri dan menjalankan pelbagai komitmen serentak, siswi berkahwin yang mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap pasangan dan perkahwinan juga berpotensi untuk mengalami stres. Kajian Foo, et al. (2015) mendapati jangkaan yang tinggi terhadap pasangan dan perkahwinan menurunkan kepuasan dalam perkahwinan.

Siswi yang telah berkahwin biasanya mengharapkan sokongan yang tinggi daripada suami.

Namun, jika suami kurang memberikan sokongan dalam akademik atau kurang memainkan peranan dalam perkahwinan, siswi akan mengalami stres di tahap yang tinggi kerana menanggung pelbagai cabaran serentak. Selain itu, stres juga berkait dengan tret dan personaliti

seseorang kerana perkara tersebut mempengaruhi cara menguruskan emosi dan berfikir apabila menghadapi cabaran. Siswi yang berkahwin perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi, ketahanan, dan sifat *extrovert* bagi meningkatkan kepuasan dalam kehidupan (Rezvan, et. al., 2014). Justeru, jika perkara sebaliknya berlaku, siswi akan mengalami tahap stres yang tinggi apabila menghadapi cabaran daripada pelbagai sudut.

3.0 METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Pendekatan fenomenologi telah digunakan untuk mengenal pasti pengalaman siswi dalam kajian ini. Fenomenologi merupakan salah satu daripada pendekatan-pendekatan kualitatif (Creswell, 2013). Hammersley (2013) menyatakan kajian kualitatif berbeza dengan kajian kuantitatif kerana pengkaji memberi perhatian kepada pengalaman responden, bukan mengedarkan borang kaji selidik kepada responden. Selain itu, kajian kualitatif mampu menghuraikan makna berkaitan pengalaman seseorang secara mendalam dan fleksibiliti (Braun & Clarke, 2013). Hal ini kerana responden bebas untuk memberi respon kepada soalan-soalan temu bual dan memberi maklumat dengan terperinci. Fenomenologi pula memberi fokus kepada intipati pengalaman (Hirsch, 2015). Justeru, pendekatan ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat mengenai pengalaman responden secara terbuka, mendalam serta fleksibel, dan bertepatan dengan tajuk kajian yang melibatkan kehidupan siswi yang berkahwin.

Responden

Responden kajian dipilih menggunakan teknik *purposive sampling* dan *snowball sampling*. Teknik *purposive sampling* digunakan secara meluas dalam kajian kualitatif bagi mengenal pasti sampel yang mempunyai maklumat bertepatan dengan fenomena kajian yang hendak dijalankan (Palinkas, et. al., 2015). Pengkaji telah memilih dan memastikan responden yang ditemu bual menepati kriteria bagi memenuhi objektif kajian. *Snowball sampling* pula merujuk kepada kaedah mendapatkan responden yang seterusnya melalui responden yang telah ditemu bual apabila telah dikenal pasti responden itu menepati kriteria (Emmel, 2013).

Responden adalah terdiri daripada siswi beragama Islam di Universiti Teknologi Malaysia yang telah berkahwin. Kriteria lain pemilihan adalah siswi yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda sepenuh masa, dan usia perkahwinan melebihi enam bulan. Jumlah responden yang ditemu bual sehingga mencapai ketepuan adalah enam orang. Ketepuan bermaksud tiada maklumat baru atau maklumat relevan yang didapati daripada responden, tema kajian berkembang dengan baik daripada segi sifat dan dimensinya yang menunjukkan variasi, dan hubungan antara tema dibina dengan baik dan mendapat kesahan (Strauss & Corbin, 1998; Bryman, 2012).

Instrumen-instrumen Kajian

Tiga instrumen kajian yang digunakan adalah pengkaji sebagai instrumen utama, soalan temu bual, dan borang demografi. Pengkaji adalah merupakan instrumen utama dalam kajian kualitatif kerana pengkaji yang membina persoalan, pengkaji melihat, mendengar, membuat perancangan, menyusun data, mengasingkan data, membuat keputusan, dan akhirnya menulis dapatan kajian (Bogdan and Knopp Biklen, 2007; Court, 2017). Patton (2002) menegaskan kesahan dan kebolehpercayaan kajian kualitatif bergantung kepada kemahiran dan kualiti diri pengkaji.

Walaupun ia mengambil masa yang banyak, temu bual mempunyai banyak keistimewaan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci (Shaughnessy, Zechmeister dan Zechmeister, 2012). Soalan temu bual telah dirangka dengan mengambil kira soalan-soalan temu bual pengkaji-pengkaji yang (Zahra, et. al., 2017) lalu dengan berpandukan objektif kajian. Pengkaji telah menggunakan soalan temu bual yang terbuka agar mampu membuka ruang jawapan yang luas, termasuk perasan yang kompleks dan sikap yang tersembunyi (O' Connor et al., 1997). Soalan temu bual :

Apakah pengalaman yang dilalui puan sepanjang menjadi siswi dan dalam masa yang sama telah berkahwin?

Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data, pengkaji telah menemu bual setiap responden sebanyak dua kali. Ini bukan sahaja membolehkan pengkaji membina *rapport* dengan respon, tetapi juga membolehkan pengkaji melakukan *member check*. *Member check* dilakukan dalam kajian kualitatif untuk memastikan apa yang difahami oleh pengkaji mengenai responden adalah tepat. Melalui *member check* responden berpeluang untuk memberi maklum balas mereka terhadap apa yang difahami oleh pengkaji (Yin, 2015). Lincoln and Guba (1985) dan Guba and Lincoln (1989) menyimpulkan bahwa “member check” adalah salah satu daripada elemen-elemen penting untuk mencapai kredibiliti dalam kajian kualitatif. Temu bual juga mengambil masa yang lama dan ini menyumbang kepada kesahan dan keboleh-percayaan data (Marshall dan Rossman, 2015). Tempoh sesi temu bual adalah antara satu jam hingga tiga jam. Di samping itu, pengkaji telah menggunakan satu borang demografi untuk mendapatkan maklumat secara sistematik daripada responden. Maklumat itu merangkumi beberapa perkara, seperti umur, tempoh perkahwinan, dan bilangan anak. Demografi bermaksud pelbagai maklumat berbentuk sosioekonomi (French, 2014).

Analisis Data

Pengkaji telah menganalisis data menggunakan kaedah perbandingan berterusan (*Constant Comparative Method*) (Strauss & Corbin, 1990). Melalui kaedah perbandingan berterusan, setiap kod dibandingkan secara terus menerus dengan keseluruhan data untuk melahirkan

kategori-kategori dan sub-kategori (Huberman, Miles & Saldana 2014). Dengan membandingkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan kategori-kategori ini, kemampuan setiap kategori untuk menerangkan sesuatu fenomena dalam sesebuah kajian bertambah (Glaser & Strauss, 1967) dan kefahaman terjana (Dey, 2004). Terdapat tiga proses dalam kaedah perbandingan berterusan ini, iaitu pengekodan terbuka, pengekodan berpaksi, dan pengekodan selektif (Wilcocks, Sauer & Lacity, 2016; Strauss & Corbin, 1998).

Pengekodan terbuka adalah proses menghasilkan kategori daripada isi kandungan data (Yin, 2010). Semasa proses ini, data diteliti dan konsep-konsep dikenalpasti (Corbin and Strauss, 2008).

Pengekodan berpaksi pula adalah proses mengaitkan kategori dan sub-kategori, membuat spesifikasi mengenai sifat-sifat dan dimensi kategori, serta menyusun semula data yang telah dipecahkan semasa pengekodan terbuka (Charmaz, 2014; Strauss & Corbin, 1998). Pengekodan selektif pula adalah proses memilih satu kategori teras dan mengaitkannya dengan kategori-kategori lain dalam bentuk perkaitan-perkaitannya yang telah disahkan. Kategori teras ini mempunyai kemampuan untuk menerangkan fenomena yang sedang dikaji (Corbin and Strauss, 2008). Proses pengekodan selektif ini sekali gus merupakan proses penyatuan dan memperhalusi kategori-kategori yang ada (Strauss and Corbin, 1998; Corbin and Strauss, 2008). Urquhart (2012) menerangkan, pengekodan selektif melibatkan kategori-kategori yang berkait dengan kategori teras sahaja.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua proses pengekodan, iaitu pengekodan terbuka dan pengekodan berpaksi. Pengkaji telah juga menggunakan *Axial Coding Paradigm Model Template* (Siti Rokiah, 2016).

Templat ini adalah berdasarkan paradigma seperti yang dinyatakan oleh Strauss & Corbin (1998) dan Corbin & Strauss (2008). Templat ini memudahkan proses pengekodan berpaksi dan sekali gus menjawab persoalan 'siapa', 'bila', 'di mana', 'mengapa', 'bagaimana', dan 'dengan apakah kesannya'.

Etika dalam Kajian

Etika adalah sesuatu yang amat dititik-beratkan dalam kajian. Sebelum menjalankan kajian, pengkaji telah mendapatkan surat kebenaran untuk melakukan kajian daripada fakulti. Pengkaji juga telah menyerahkan borang persetujuan termaklum (Informed consent) dan mendapat persetujuan daripada responden sebelum menjalankan sesi temu bual.

Edwards & Holland (2013) menyatakan di sepanjang proses kajian bterdapat beberapa etika kajian yang perlu dititikberatkan sebagai pengkaji yang profesional, antaranya pengkaji tidak boleh membahayakan responden dan perlu melindungi responden daripada sebarang bentuk risiko dan eksploitasi.

Pengkaji telah memaklumkan kepada responden bahawa penyertaan responden adalah bebas dan boleh menarik diri pada bila-bila masa walaupun tindakan ini boleh menjejaskan kajian (Leach, et. al., 2012). Etika tersebut memberikan hak kepada responden untuk menarik diri, sama ada daripada awal sesi, pertengahan sesi, atau di akhir sesi.

Selain itu, pengkaji bertanggungjawab dalam melindungi dirinya sepanjang sesi temu bual berlangsung dengan melakukan perancangan awal sebelum bertemu responden (Maruster, 2013). Pengkaji dan responden telah melakukan sesi temu bual di tempat terbuka dan selamat bagi kedua-dua belah pihak. Selepas sesi temu bual dijalankan, pengkaji telah menggantikan nama sebenar responden kepada kod demi menjaga etika kerahsiaan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis Demografi


Data mencapai ketepuan pada responden ke enam. Pengkaji menamakan responden sebagai R1-R6. Jadual 4.1 menunjukkan demografi responden yang terdiri daripada siswi yang mengikuti pengajian sepenuh masa dan beragama Islam. Umur responden adalah antara 23 tahun hingga 38 tahun. Tempoh perkahwinan responden pula adalah antara sembilan bulan hingga 15 tahun. Lima orang responden mempunyai anak, daripada seorang anak hingga empat orang anak. Hanya seorang responden belum mempunyai anak.

Responden/ Maklumat	R1	R2	R3	R4	R5	R6
Umur	23	23	23	36	38	37
Tempoh perkahwinan	9 bulan	4 tahun	1 tahun	10 tahun	15 tahun	12 tahun
Bilangan Anak	-	2 orang	1 orang	4 orang	4 orang	3 orang

Jadual 4.1: Analisis Demografi Responden

Pengekodan Terbuka

Pengkaji menjalankan proses pengekodan terbuka daripada data diperoleh dan telah mengenal pasti lapan kategori dan 16 sub-kategori yang berkaitan dengan pengalaman siswi berkahwin. Rajah 4.1 yang menunjukkan kategori dan sub-kategori yang telah melalui proses pengekodan terbuka.



Rajah 4.1: Hasil Pengekodan Terbuka

Kategori pertama adalah “pengurusan masa” yang mempunyai empat sub-kategori, iaitu “keluarga”, “kawan-kawan”, “pendidikan”, dan “suami”. Kategori ini amat menonjol

kerana siswi perlu memainkan beberapa peranan secara serentak. R1 menceritakan waktu yang sangat terhad berjumpa suami kerana suami mempunyai komitmen bekerja dan dia mempunyai komitmen belajar.

“Masa jumpa suami tu singkat. Macam, dari pukul berapa? Malam kadang dia balik pukul 11, 11 malam sampai pagi, ha itu je waktu jumpa husband.”

Kategori kedua adalah “isu kewangan” yang mempunyai satu sub-kategori, iaitu “keluarga”. “Keluarga” yang dimaksudkan adalah isu kewangan umum dalam keluarga, seperti makan-minum keluarga dan hanya mampu membeli barangan keperluan keluarga sahaja. R3 menceritakan keadaan suaminya yang berhenti kerja dan terpaksa bergantung kepada keluarga isteri kerana ingin menanggung keperluan isteri dan seorang anak.

“So bila yang tak berduit tu, memang kalau pasal kewangan ni.. Aku kat sini, rasanya daripada awal belajar sampai la dah kahwin ni pun kebanyakannya. 90% guna duit mak ayah, macam tu.”

Seterusnya, kategori ketiga adalah “pengurusan rumahtangga” yang mempunyai dua sub-kategori, iaitu “anak” dan “rumah”. Kategori ini menonjolkan peranan seorang isteri dan ibu yang perlu siswi melaksanakan selain belajar. R5 berkongsi pengalaman menguruskan makan-minum suami di samping menguruskan pembelajaran.

“Memang la kita macam, penat la sikit sebab nak kena.. Apa ni, nak kena bangun pagi masak apa semua untuk dia (suami) makan kat rumah kan, tapi at least dia ada kat rumah.”

Kategori keempat adalah “penyesuaian diri” yang mempunyai satu sub-kategori, iaitu “peralihan peranan”. Siswi menggalas pelbagai peranan, oleh itu siswi melalui proses penyesuaian diri mengikut garis masa tersendiri kerana majoriti siswi melalui tiga peranan; pelajar, isteri, dan ibu. R6 menceritakan pengalaman tahun pertama yang mencabar kerana berlaku peralihan peranan.

“Masa first year tu, agak struggle jugak la sebab dah 14 tahun pun tak belajar. Gila la sekejap (gelak). Sebab dah lama tak belajar.”

Kategori kelima adalah “strategi” yang mempunyai empat sub-kategori, iaitu “menyiapkan tugas dalam kampus”, “ibadah”, “pembahagian masa”, dan “pembahagian tugas”. Kesemua strategi ini dilakukan oleh siswi yang berkahwin untuk mengurangkan isu-isu yang berlaku dalam kehidupan berumah tangga. R2 menceritakan cara menyelesaikan tugas akademik di kampus ker-*“Biasa kalau, tiga hari dekat sini, nanti, saya cuba elakkan kalau buat assignment dekat rumah. Sebab memang tak jadi apa kalau buat assignment dekat rumah, anak dah dua. Saya akan buat dekat sini lah.”*

Di samping itu, kategori keenam adalah “sokongan” yang mempunyai dua sub-kategori, iaitu “keluarga” dan “suami”. Siswi berupaya untuk belajar dan berkahwin atas faktor sokongan yang kuat daripada keluarga dan suami daripada segi kata-kata semangat dan memberikan bantuan tenaga dan kewangan. R3 berkongsi pengalamannya yang mempunyai isu dengan keluarga belah mertua yang mengganggu emosi siswi untuk belajar, namun R3 mendapat kata-kata semangat daripada ibu siswi.

“So, mak aku setuju dengan apa tindakan aku. Dan cakap dengan aku.. ‘Just abaikan diorang (keluarga mertua), fokus study. Ni dah last sem kan kat sini?’”

Kategori ketujuh, iaitu “isu komunikasi” yang melibatkan satu sub-kategori; “kurang ilmu dan kemahiran komunikasi”. Oleh kerana kurang ilmu dan kemahiran komunikasi, sering timbul konflik suami-isteri. R4 menceritakan pengalamannya yang mempunyai konflik dengan suami disebabkan faktor akademik sehingga terpaksa menipu suaminya demi mengelakkan konflik lebih besar berlaku.

“Akak menipu suami akak, suami akak kata, kata la hari ni tak ada kelas kan. Akak kata hari ni ada kelas. Akak akan straight di kampus sampai petang.”

Akhir sekali, kategori kelapan, iaitu “budaya”. Kategori ini mempunyai satu sub-kategori, iaitu “isteri submisif ketimuran”. Dalam budaya Timur, gelaran ‘isteri’ secara automatik dipandang sebagai orang yang dipertanggung jawabkan untuk menguruskan semua hal rumahtangga dan wajar patuh sepenuhnya kepada permintaan-permintaan suami. Jika berlaku sebaliknya isteri gagal bertindak demikian, dia dianggap ‘isteri derhaka’. Dalam bahagian ini, R3 menceritakan pengalamannya dimarahi suami apabila kurang membuat kerja-kerja rumah kerana desakan untuk menyiapkan tugas akademik.


“Bila aku masuk belajar balik, dia (suami) tak boleh terima la. Sebab selama ni aku siapkan semua, tiba-tiba aku tak dapat siapkan semua. Benda macam tu dia tak boleh terima tu.”

Pengekodan Berpaksi

Dalam pengkodan berpaksi, pengkaji telah menemui tiga fenomena, ia itu pengurusan masa, penyesuaian diri, dan isu komunikasi. Fenomena ini adalah merujuk kepada pengalaman utama (menonjol) yang dilalui oleh siswi yang berkahwin.

Pengurusan Masa

Siswi yang berkahwin mempunyai isu “pengurusan masa” kerana terpaksa menjalankan pelbagai komitmen secara serentak, ia itu komitmen akademik, komitmen terhadap suami dan anak-anak, keluarga ibu bapa, dan juga keluarga mertua. Selain itu siswi juga mempunyai keperluan untuk menguruskan hal-hal yang peribadi.




Rajah 4.2: Pengurusan Masa

Rajah 4.2 menggambarkan isu “pengurusan masa” dalam konteks kekangan sebagai pelajar yang menghadapi tekanan-tekanan akademik. Elemen-elemen yang mempengaruhi secara tidak langsung adalah “pengurusan rumahtangga” dan “penyesuaian diri”. Interaksi atau tindakan yang dilakukan oleh siswi untuk menangani keadaan ini adalah dengan melakukan “pembahagian tugas”. Kesannya, siswi merasa dirinya mendapat “sokongan”.

Penyesuaian Diri

Isu “penyesuaian diri” juga muncul dalam kehidupan siswi yang berkahwin. Hal ini kerana pertambahan peranan yang berlaku daripada semasa ke semasa, bermula dengan peranan sebagai seorang anak dan pelajar, kemudian bertambah dengan peranan sebagai seorang isteri, dan ahli keluarga luas (mertua). Akhir sekali, peranan siswi akan terus bertambah sebagai seorang ibu apabila mempunyai anak.




Rajah 4.3: Penyesuaian Diri

Rajah 4.3 menggambarkan isu “penyesuaian diri” yang berlaku dalam konteks siswi yang berkahwin. Elemen utama pencetus isu “penyesuaian diri” adalah peralihan peranan sebagai siswi, isteri, dan ibu. Elemen-elemen yang mempengaruhi secara tidak langsung pula adalah “pengurusan masa” dan “isu kewangan keluarga”. Tindakan yang dilakukan oleh siswi untuk menangani keadaan ini adalah dengan “membahagikan masa” dengan bijaksana. Kesannya, siswi mendapat sokongan daripada pelbagai pihak.


Isu Komunikasi

“Isu komunikasi” muncul dalam kehidupan siswi berkahwin kerana “kurangnya ilmu dan kemahiran komunikasi”. Isu ini tertonjol apabila suami membuat permintaan terhadap isteri yang mana menyebabkan isteri/siswi tidak memenuhi permintaan ini kerana perlu memberikan perhatian kepada komitmen akademik yang mendesak. Terdapat dua situasi dalam pengalaman “isu komunikasi” ini, ia itu apabila kemahiran komunikasi siswi adalah “sederhana” dan kemahiran komunikasi siswi adalah “lemah.”



Rajah 4.4: Kemahiran Komunikasi Sederhana

Rajah 4.4 menjangka keadaan apabila kemahiran komunikasi siswi adalah “sederhana”, yang mana tindakan yang diambil oleh siswi ialah dengan berbincang dan melakukan negosiasi dengan suami terhadap permintaannya. Di antara contoh hasil perbincangan dan negosiasi dengan suami ialah suami membenarkan siswi untuk menghabiskan tugas-tugas akademik di kampus sahaja. Semasa di rumah, siswi hendaklah menumpukan sepenuhnya kepada rumah tangga, suami dan anak. Walaupun siswi kurang rehat, tetapi hasilnya boleh dikatakan menang-menang dan siswi merasa mendapat “sokongan” daripada suami.



Rajah 4.5: Kemahiran Komunikasi Lemah

Lain pula keadaannya apabila siswi “lemah kemahiran komunikasinya”. Ini dijelaskan dalam Rajah 4.5. Siswi tidak berbincang dengan suami dan sedaya upaya cuba memenuhi permintaan

suami. Dalam keadaan ini siswi terasa suami tidak faham keadaannya yang sedang belajar. Oleh itu tindakan siswi untuk menangani keadaan iniialah dengan melakukan sesuatu yang difikirkan paling baik. Tetapi malangnya tindakan itu telah disalah anggap oleh suami. Hasilnya siswi merasa tiada mendapat “sokongan” suami.

5.0 PERBINCANGAN, LIMITASI, DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, siswi yang berkahwin mengalami pelbagai cabaran atau konflik kerana terpaksa memainkan pelbagai peranan secara serentak. Oleh itu siswi mengatur pelbagai strategi bagi mengelakkan konflik yang berterusan atau konflik yang lebih besar. Di masa yang sama, siswi yang telah berkahwin ini telah menjadikan pengalaman menghadapi pelbagai konflik ini sebagai satu proses pembelajaran untuk memperbaiki kehidupan yang lebih baik dan sistematik.

Pengurusan Masa

Dapatan kajian menunjukkan siswi yang berkahwin mempunyai isu “pengurusan masa”. Pengurusan masa adalah penting bagi seorang pelajar kerana hal ini mempengaruhi prestasi pelajaran dan kepuasan hidup (Hamizatun Akmal & Norzaini, 2013). Di antara faktor yang menyebabkan siswi berkahwin mempunyai keangan masa adalah faktor akademik. Faktor akademik termasuk keperluan menghadiri kuliah, menyertai program wajib universiti dan menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Di masa yang sama, siswi tetap perlu menjalankan peranan sebagai isteri dan ibu (Olukemi & Feyisola, 2014). Justeru, pengurusan masa memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan setiap peranan dilaksanakan dengan sempurna. Faktor lain yang mempengaruhi isu pengurusan masa adalah kemahiran mengurus rumahtangga dan penyesuaian diri di alam belajar-berkahwin. Menurut Bronfenbrenner (1977) dalam mikrosistem, perkembangan individu dipengaruhi interaksi harian dengan orang terdekat. Proses penyesuaian diri dengan ahli keluarga dan kawan-kawan akademik mengambil masa kerana siswi perlu beradaptasi dengan beberapa peranan baru sekali gus. Justeru, proses ini memberikan tekanan kepada siswi yang berkahwin jika tidak dikendalikan dengan bijaksana.

Kajian Lucy (2016) juga mendapati siswi berkahwin mempunyai isu pembahagian masa, ia itu membahagikan masa untuk pelajaran dan masa bersama keluarga. Hal ini melibatkan pengurusan rumahtangga yang bijak oleh siswi. Biasanya, oleh kerana desakan keperluan pelajaran, pengurusan rumahtangga sering terganggu dan keadaan ini memberikan tekanan tambahan kepada siswi berkahwin. Salah satu usaha siswi untuk melicinkan pengurusan masa adalah dengan berbincang dengan suami (yang melibatkan komunikasi berkesan) dan membuat pembahagian tugas dengan suami. Pembahagian tugas merujuk kepada suami membantu isteri dengan mengambil sebahagian tugas dalam rumah, seperti menjaga anak. Ini tentunya satu aspek yang mencabar sekiranya suami tidak biasa membuat kerja-kerja rumah atau berpersepsi bahawa tugas rumah tangga adalah 100% terletak di bahu isteri tanpa mengira kedudukan isteri sebagai pelajar. Lazimnya, apabila suami membantu isteri, isteri mendapat sokongan dan beban tugas yang pelbagai terasa ringan. Apabila perasaan seperti ini ada dalam diri siswi berkahwin, ia menjadi satu “kuasa” pemberdayaan. Persepsi mendapat sokongan adalah suatu perkara yang penting dalam semua fasa penyesuaian. Teori Pertukaran Sosial (Burgess & Huston, 2013) pula menerangkan ciri-ciri tingkah laku pasangan apabila hubungan antara mereka menjadi semakin kuat. Antaranya, pasangan mula berkongsi matlamat dan mengembangkan corak interaksi yang lebih stabil. Kesannya juga membawa kepada rasa disokong dan menjadikan siswi berkahwin mampu menggalas pelbagai peranan secara serentak dengan baik.

Isu Penyesuaian Diri

Hasil kajian menunjukkan isu “penyesuaian diri” yang berlaku kepada siswi yang berkahwin adalah kerana perubahan peranan. Penyesuaian diri memerlukan semua jenis strategi untuk mengawal situasi yang tertekan dalam hidup (Seyedeh, Bahram & Yarali, 2019). Apabila siswi perlu memegang peranan sebagai pelajar, isteri, ibu dan menantu dalam masa yang serentak, penyesuaian diri menjadi lebih mencabar.

Elemen lain yang mempengaruhi penyesuaian diri adalah keangan masa dan isu kewangan keluarga. Kekangan masa yang dimaksudkan adalah keadaan siswi yang mempunyai pelbagai perkara yang perlu diberikan fokus, seperti belajar dan menguruskan rumahtangga. Dalam Teori Sistem Ekologi (Bronfenbrenner, 1977), mesosistem mempengaruhi

perkembangan individu kerana setiap individu memegang peranan yang pelbagai dalam setiap kelompok sistem sosial. Teori ini boleh dikaitkandengan keadaan siswi yang perlu memainkan peranan sebagai pelajar di kampus, kemudian bertukar peranan sebagai seorang isteri dan ibu apabila berada dalam rumah. Selain itu, keadaan kewangan keluarga siswi yang hanya mampu untuk menampung keperluan asas juga menambah tekanan.

Banyak perkara terlibat dalam proses menyesuaikan diri dengan keadaan baru, seperti siswi perlu menghabiskan duit minyak berulang-alik dari rumah ke kampus setiap hari. Salah satu strategi siswi dalam proses penyesuaian diri ini adalah pembahagian tugas. Pembahagian tugas yang dimaksudkan adalah siswi membahagikan tugas, terutama tugas pengurusan keluarga bersama suami demi memudahkan urusan isteri dalam menguruskan pelbagai peranan lain dan mampu menyesuaikan diri dengan lebih baik. Justeru, kesan daripada tindakan siswi adalah mendapat sokongan daripada suami dan ahli keluarga akan fasa peralihan peranan. Apabila siswi mendapatkan sokongan positif daripada segi kata-kata motivasi dan bantuan lain, seperti ahli keluarga tolong menjaga anak, hal tersebut membantu siswi untuk menyesuaikan diri. Hal ini kerana berkurangnya beban siswi dalam menggalas pelbagai tanggungjawab. Mendapatkan sokongan daripada persekitaran juga menonjolkan hikmah Allah s.w.t memberikan manusia mencintai sesama makhluk. Dari perspektif Islam, darjat ke dua tertinggi selepas cinta kepada Allah s.w.t dan Rasulnya (Abdullah Nasih Ulwan, 2003) adalah cinta terhadap ahli keluarga, suami-isteri, anak-anak, saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat. Allah s.w.t berfirman dalam ayat Al-Quran 49:10 yang bermaksud, *“Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, kerana itu damaikanlah antarkedua saudaramu (yang berselisih) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat”* (Nurcholish, 2016).

Isu Komunikasi

Dalam kajian ini, “isu komunikasi” berlaku kerana ke dua-dua siswi dan suami kurang arif dalam ilmu komunikasi. Dalam keadaan di mana kemahiran komunikasi adalah lemah, tidak banyak berlaku perbincangan dengan suami. Siswi merasa suaminya tidak faham keadaannya yang sedang belajar. Tambahan pula unsur budaya yang mana isterilah dianggap bertanggungjawab sepenuhnya untuk membereskan hal-hal rumahtangga masih tebal dalam diri suami-suami siswi ini. Oleh itu tindakan siswi untuk cope dengan peranan yang pelbagai ini telah di salah anggap oleh suami. Sebagai contoh, isteri melakukan tugas akademik di rumah agar dapat menjaga anak dalam masa yang sama. Tetapi tindakan ini telah di salahfaham oleh suami dan merasa isteri kurang meluangkan masa bersama keluarga. Ada kalanya suami berasa isterinya mengetepikan keluarga dan lebih mementingkan pelajaran. Di masa yang sama, oleh kerana suami bekerja dan siswi belajar serta menguruskan sebahagian besar hal-hal keluarga, masa untuk memupuk keintiman adalah juga terhad. Stenberg (1986) menyatakan jika hubungan antara pasangan hanya berpaksi kepada komitmen, mudah tercetus isu komunikasi.

Walau bagaimana pun, dalam keadaan di mana siswi berbincang dengan suami, ada suami yang memberikan siswi ruang untuk menyiapkan tugas akademik dalam kampus agar siswi boleh memberikan fokus penuh kepada keluarga apabila pulang ke rumah. Situasi ini berkait rapat dengan Teori Pertukaran Sosial, yang mana melibatkan penerimaan antara satu sama lain atas dasar konsep timbal balik (Norfaezah, 2016). Kesannya, siswi rasa mendapat sokongan suami dan suami perlu tidak perlu melihat isterinya menyiapkan tugas akademik di rumah. Keadaan ini kurang menimbulkan konflik suami-isteri dan tekanan kepada siswi.

Elemen lain yang saling mempengaruhi komunikasi adalah pengurusan masa untuk akademik dan pengurusan masa untuk keluarga. Siswi mempunyai lambakan tugas akademik yang melibatkan prestasi akademik, justeru apabila siswi memberikan lebih masa untuk menyelesaikan tugas akademik, hal tersebut menyumbang kepada konflik suami-isteri. Ini

berlaku terutama apabila siswi membawa pulang tugas akademik ke rumah; sesuatu yang amat tidak disukai oleh sebilangan suami. Selain itu, siswi juga mempunyai kekangan masa bersama keluarga kerana perlu memberi fokus kepada akademik, terutama apabila siswi perlu menyertai program berwajib atau terdapat tugas yang memerlukan tempoh yang agak lama untuk disiapkan. Hal ini menyebabkan suami berasa siswi menyetepikan keluarga dan lebih mementingkan kehidupan sebagai pelajar.

Limitasi Kajian dan Cadangan

Pengkaji mendapati terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini. Limitasi utama dalam kajian ini adalah adanya pengkaji membuat interpretasi terhadap pengalaman responden terutama apabila fenomena yang sama yang berlaku atas diri pengkaji (Merriam & Grenier, 2019). Untuk mengurangkan kesan limitasi ini, pengkaji telah sedaya mungkin mengamalkan “bracketing”, ia itu mengasingkan pengalaman diri sendiri daripada pengalaman responden (Tufford & Newman, 2010). *Member check* juga telah membantu pengkaji memastikan kefahaman terhadap pengalaman responden adalah tepat. Di samping itu sentiasa mengamalkan reflektiviti membantu pengkaji untuk sedar akan peranannya sebagai pengkaji (Charmaz, 2014).

Selain itu, terdapat responden yang memberi maklum balas yang mengurangkan kebolehpercayaan kajian, antaranya berbohong, memberikan maklumat kurang tepat, jawapan berdasarkan ingatan sampel yang terbatas, sensitif dengan soalan sehingga menjadi bias ketika memberi respon (Beam, 2017). *Member check* yang telah dipraktikkan oleh pengkaji membantu pengkaji mendapatkan data yang benar sahaja. Di samping itu pengalaman pengkaji sebagai pelajar psikologi juga membantu mengenal pasti jawapan yang benar

Terdapat beberapa cadangan yang pengkaji ingin utarakan bagi tujuan penambahbaikan kepada kajian-kajian akan datang. Pertama, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang untuk menambah kriteria responden bagimemperoleh dapatan kajian yang lebih baik. Kriteria-kriteria responden yang dicadangkan untuk pengkaji akan datang ialah umur, tempoh perkahwinan, bilangan anak, perkahwinan jarak jauh atau dekat, institusi penyelidikan atau institusi biasa, program sepenuh masa atau separuh masa, dan pendapatan bulanan keluarga. Setiap kriteria itu mempengaruhi dinamika perhubungan suami isteri dan keluarga. Cadangan kedua ialah kepada pensyarah-pensyarah di universiti penyelidikan untuk berempati dan memahami peranan siswi yang berkahwin, yang mengalami banyak cabaran dalam menjalankan pelbagai peranan serentak. Cadangan ke tiga ialah kepada siswa yang ingin berkahwin, agar benar-bebarmembuat persediaan mental dan fizikal jika ingin terjun ke dalam alamsiswi-isteri-ibu secara serentak. Hal ini kerana terdapat pelbagai perkara yang berpotensi untuk menggugat prestasi pelajaran siswi. Cadangan terakhir ialah kepada kaunselor di pusat kaunseling universiti agar dapat lebih memahami isu-isuutama yang berkaitan dengan siswi berkahwin. Dengan mendapat maklumat berkaitan konflik, isu dan strategi yang di alami siswi berkahwin, kaunselor dapat membantu siswi berkahwin ini dengan lebih efektif.

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menjawab objektif utama kajian, iaitu mengenal pasti pengalaman siswi berkahwin di Universiti Teknologi Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga isu utama dalam pengalaman siswi yang berkahwin. Pertama, isu masa dalam konteks kekangan masa sebagai pelajar. Kedua, isu penyesuaian diri dalam konteks siswi yang memainkan peranan pelajar, isteri, dan ibu. Ketiga, isu komunikasi dalam konteks dinamika perhubungan rumahtangga yang sangat berkait rapat dengan suami. Ke tiga-tiga isu ini adalah penting. Dengan memberi perhatian kepada tiga isu ini siswi mampu untuk

menyesuaikan diri dengan pelbagai peranan dan berpotensi untuk berjaya dalam akademik, di samping menjadi seorang isteri dan ibu.

Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan (2003). *Islam and Love*. Cairo: Dar As Salam. Diperoleh daripada <https://www.kalamullah.com/Books/IslamandLove.pdf>
- Abolanle Olukemi Lasode & Feyisola Awotedu (2014). Challenges faced by married university undergraduate female students in Ogun State, Nigeria. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 112(2014), pp. 102–113.
- Ahmed al Horany & Siti Aishah Hassan (2011). Marital adjustment among postgraduate students at universities in Malaysia. *Elixir Psychology*, 37(2011), pp. 3773-3776.
- Akpotor & Julie (2018). Role Conflict of Married Female Students and Academic Performance. *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, 5(5), pp. 27-32.
- Apostolou, M., Matogian, I., Koskeridou, G. et al. The Price of Singlehood: Assessing the Impact of Involuntary Singlehood on Emotions and Life Satisfaction. *Evolutionary Psychological Science* 5, 416–425 (2019). <https://doi-org.ezproxy.utm.my/10.1007/s40806-019-00199-9>
- Beam, G. (2017). *The Problem with Survey Research*. London: Routledge.
- Benson, J. B. (2015). *Advances in Child Development and Behavior*, Volume 48. Cambridge, Massachusetts: Academic Press.
- Braun, V. & Clarke, V. (2013). *Successful Qualitative Research: A Practical Guide for Beginners*. Newcastle: SAGE.
- Bronfenbrenner, U. (1977). *Toward an Experimental Psychology of Human Development*. *American Psychologist*, 32, pp. 513-532.
- Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. Oxford: OUP Oxford.
- Buckner, D. (2009). *Balance: How to Stay Happily Married While a Student in Law School*. Morrisville, North California: Lulu.Com.
- Burgess, R. L. & Huston, T. L. (2013). *Social Exchange in Developing Relationships*. Amsterdam: Elsevier.
- Charmaz, K. (2014). *Constructing Grounded Theory; Introducing Qualitative Methods series*. Newcastle: SAGE. Diperoleh daripada https://books.google.com.my/books?id=v_GGAwAAQBAJ&pg=PA147&dq=axial+coding&hl=en&sa=X&ved=0ahUKEwIU29yUv_HIAhV8zTgGHYBZBU4Q6AEIMDAB#v=onepage&q=axial%20coding&f=false
- Conrad, C., Neumann A., Haworth, J. G., & Scott, P. (1993). *Qualitative research in higher education: Experiencing alternative perspective and approaches*. Needham Heights, MA: Ginn Press.
- Conrad, C., Neumann, Burgess, R. L. & Huston, T. L. (2013). *Social Exchange in Developing Relationships*. Amsterdam: Elsevier.
- Corbin, J. and Strauss, A. (2008). *Basics of Qualitative Research. 3e*. Thousand Oaks, California: SAGE Publications.
- Court, D. (2017). *Qualitative Research and Intercultural Understanding: Conducting Qualitative Research in Multicultural Settings*. Abingdon: Routledge.
- David, R. S. & Katherine, K. (2010). *Developmental Psychology: Childhood & Adolescence: Childhood and Adolescence*. Massachusetts: Cengage Learning. Diperoleh daripada <https://books.google.com.my/books?id=CuvXxrhk8HUC&pg=PA67&dq=Ecological+Systems+Theory&hl=en&sa=X&ved=0ahUKEwjyfy5hoziAhXF6nMBHeThD0MQ6AEIMDAB#v=onepage&q=Ecological%20Systems%20Theory&f=false>
- Dey, I. (2004). Grounded theory. In C. Seal, G. Gobo, J. F. Gubrium and D. Silverman. (Eds.). *Qualitative Research Practice*. London: SAGE Publications.
- Edwards, R. & Holland, J. (2013). *What is Qualitative Interviewing? The 'What is?' Research Methods Series*. Edinburgh: A&C Black.
- Elham Vaez, Rumaya Juhari, & Siti Yaacob (2015). Addressing the Problems Faced by Married International Students. *Journal of Educational, Health and Community Psychology*, 4(1).
- Emmel, N. (2013). *Sampling and Choosing Cases in Qualitative Research: A Realist Approach*. Newcastle: SAGE.
- Erikson, E. H. (1963). *Childhood and society* (2nd Ed.). New York: Norton.
- Foo Fatt Mee, et. al. (2015). Relationship between Perfectionism and Marital Satisfaction among Graduate Students. *International Journal of Education and Research*, 3(8).
- Gellatly, C. & Störmer, C. (2017). *Evolution and Human Behavior*. 38(2017), pp. 536–545.
- Ghoroghi, S., Siti Aishah Hassan, & Maznah Baba (2015). Marital Adjustment and Duration of Marriage among Postgraduate Iranian Students in Malaysia. *International Education Studies*, 8(2).
- Guba, E. G., and Lincoln, Y.S. (1989). *Fourth Generation Evaluation*. California: SAGE Publications.
- Haidar, M. (2016). *Agar Nikah Berlimpah Berkah*. Jakarta: Elex Media Komputindo. Diperoleh daripada <https://books.google.com.my/books?id=e4pKDwAAQBAJ&pg=PA142&dq=mencintai+saudara+sendiri&hl=en&sa=X&ved=0ahUKEwJgo6rQyYviAhVE6nMBHf7vAHIQ6AEIMDAB#v=onepage&q=mencintai%20saudara%20sendiri&f=false>
- Hamizatun Yusof & Norzaini Azman (2013). Perkaitan Antara Pengurusan Masa dan Stres dalam Kalangan Pelajar Siswazah di IPT. *Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 5(1), pp. 34-49.
- Hammersley, M. (2013). *What is Qualitative Research? The 'What is?' Research Methods Series*. London: A&C Black.
- Hirsch, K. E. (2015). Phenomenology and Educational Research. *International Journal of Advanced Research*, 8, pp. 251-260.
- Huberman, A. M., Miles, M. B. & Saldana, J. (2014). *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook and The Coding Manual for Qualitative Researchers*. Thousand Oaks, CA: SAGE.

- Jabatan Perangkaan Malaysia (2018, Disember 28). Siaran Akhbar Perangkaan Perkahwinan Dan Perceraian, Malaysia, 2018. *Jabatan Perangkaan Malaysia*, pp. 1. Diperoleh dari <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?column/pdfPrev&id=QJRWm9CSXV2RkxPV1k5aFJpc2ZOQT09>.
- Jeffrey, S. N. & Spencer, A. R. (2016). *Psychology and the Challenges of Life: Adjustment and Growth*. New Jersey: John Wiley & Sons. Diperoleh dari https://books.google.com.my/books?id=HkDhCgAAQBAJ&dq=intimacy+versus+isolation+erikson&source=gbs_navlinks_s
- Jasmi, Kamarul Azmi. Perkahwinan Semasa Belajar: Kebaikan dan keburukannya dalam Pembangunan Pelajar Universiti in Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 pada 22-23 Oktober 2008 di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Institut Pembangunan Felo, Universiti Teknologi Malaysia serta Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kolb, S. M. (2012). Grounded Theory and the Constant Comparative Method: Valid Research Strategies for Educators. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies (JETERAPS)*, 3(1), pp. 83-86.
- Leach, M. M., et. al. (2012). *The Oxford Handbook of International Psychological Ethics*. Oxford: Oxford University Press.
- Lincoln, Y. S., and Guba, E. (1985). *Naturalistic Enquiry*. California: SAGE Publications.
- Lucy, W. M. (2016). An Evaluation of Motherhood Experience in Pursuit of Postgraduate Study in Kenya. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)*, 21(9), pp. 78-83.
- Mardiana Ishak (2013). *Super Woman*. Batu Caves, Selangor: PTS Millennia.
- Maruster, L. (2013). *Qualitative Research Methods*. Newcastle: SAGE.
- Merriam, S. B. & Grenier, R. S. (2019). *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis* (2nd Edition). Hoboken, New Jersey: Wiley.
- Ngantung, N. (2012). Penyesuaian Perkawinan Pada Mahasiswi yang Menikah Karena Hamil di Luar Nikah. *Institutional Repository, Satya Wacana Christian University*. Diperoleh dari <http://repository.uksw.edu/handle/123456789/2876>.
- Norfaezah Md Khalid (2016). *Kesan Kefungsian Keluarga Asal, Pembezaan Kendiri, Dan Sikap Terhadap Peranan Gender Ke Atas Kualiti Perkahwinan* (Doctoral dissertation). Diperoleh dari <http://studentsrepo.um.edu.my/6300/2/PHB100006ALL.pdf>.
- Nurcholish, M. (2016). *Metafora Laylatu Qadr - 32 Khutbah Jumat Cak Nur*. Jakarta: Noura e-Lite. Diperoleh daripada <https://books.google.com.my/books?id=18NIDQAAQBAJ&pg=PT23&dq=hadis+nabi+cinta+sesama+manusia&hl=en&sa=X&ved=0ahUEwjx4LXpxoviAhUXVHOKHYOzAI8Q6AEILTAA#v=onepage&q=hadis%20nabi%20cinta%20sesama%20manusia&f=false>
- Olukemi Lasodea & Feyisola Awotedua (2014). Challenges Faced by Married University Undergraduate Female Students in Ogun State, Nigeria. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 112(2014), pp. 102–113.
- Palinkas, L. A., et. al. (2015). Purposeful Sampling for Qualitative Data Collection and Analysis in Mixed Method Implementation Research. *Adm Policy Ment Health*, 42(5), pp. 533–544. doi: <https://dx.doi.org/10.1007%2Fs10488-013-0528-y>.
- Rezvan Alahdad, et. al. (2014). Identifying Major Traits of Personality towards Life Satisfaction among Married Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 114(2014), pp. 394–398.
- Seyedeh Zahra, Bahram, & Yarali (2019). The Effect of Basic Life Skills Training on Adaptability and Psychological Well-Being in Married Female Students. *Int Clin Neurosci J. 2019 Winer*, 6(1), pp. 28-32.
- Siti Rokiah Siwok (2016). *A Framework for Helping Muslim Parents of Children with Hearing Loss in a Special Education School in Malaysia*. Unpublished PhD Thesis. Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Salina Abdullah (2011). Help Seeking Behavior Among Malaysian International Students in Australia. *International Journal of Business and Social Science*, Disember, 2011.
- Sternberg, R. J. (1986). A Triangular Theory of Love. *American Psychological Association*, 93(2), pp. 119-135.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1990). *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Techniques*. Newbury Park, CA: SAGE.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1998). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory, 2nd Edition*. Thousand Oaks: SAGE.
- Tufford, Lea & Newman, Peter. (2010). Bracketing in Qualitative Research. *Qualitative Social Work*. 11. 80-96. DOI 10.1177/1473325010368316.
- Urquhart, C. (2012). *Grounded Theory for Qualitative Research: A Practical Guide*. Thousand Oaks: SAGE. https://books.google.com.my/books?id=RkFD2DzoTy8C&dq=selective+coding&source=gbs_navlinks_s
- Vijaya, K. (2010). *Early Child Development: A Conceptual Model, Early Childhood Council Annual Conference, Christchurch, 2010*. Edmonton: Early Child Development Mapping Project Alberta.
- Walker, M. H. (2018). Stages of Marriage. *PsychCentral*. Diperoleh dari <https://psychcentral.com/lib/stages-of-marriage/>.
- Wan, W. & Low, Graham. (2015). *Elicited Metaphor Analysis in Educational Discourse Volume 3 of Metaphor in Language, Cognition, and Communication*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Wilcocks, L. P., Sauer, C. & Lacity, M. C. (2016). *Enacting Research Methods in Information Systems: Volume 1*. Berlin: Springer. Diperoleh daripada <https://books.google.com.my/books?id=eYtFDAAAQBAJ&pg=PA163&dq=open+coding+strauss&hl=en&sa=X&ved=0ahUKewj96KWxplziAhWW8HMBHR hxAp8Q6AEINDAC#v=onepage&q=open%20coding%20strauss&f=false>
- Yin, R. K. (2010). *Qualitative Research from Start to Finish*. New York: Guilford Press.
- Yin, R. K. (2015). *Qualitative Research from Start to Finish, Second Edition*. New York: Guilford Publications.
- Zahra Behboodi Moghadam, et. al. (2017). Motherhood Challenges and Well-Being Along with The Studentship Role Among Iranian Women: A Qualitative Study. *International Journal of Qualitative Studies on Health and Well-being*, 3(9), pp. 19-27.